

# Kakitangan Perpustakaan UMS KAL hadiri Kursus Kaunter Berkesan

UB 19/10/2011 134

SERAMAI 16 kakitangan Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah, Kampus Antarabangsa Labuan (UMS-KAL) telah menghadiri kursus Perkhidmatan Kaunter Berkesan Siri 2/2011.

Kursus dua hari yang diadakan di Bilik Pandang Dengar itu dikendalikan oleh dua pustakawan dari Perpustakaan UMS Kampus Induk Kota Kinabalu iaitu Jamiun Michael dan Mohamad Adam Sabri. Turut hadir Pustakawan Kanan UMS-KAL, Baharin Entoh dan Pustakawan UMS-KAL, Dayang Rohidah Raplee.

Baharin berkata, kursus itu adalah untuk kakitangan mempelajari teknik dan kaedah perkhidmatan layanan kaunter yang berkualiti dan berkesan yang dapat memenuhi kepuasan pelanggan.

Katanya, ianya juga akan meningkatkan pengetahuan dan kemahiran berkaitan perkhidmatan dan layanan kaunter, meningkatkan ketramplinan dan keyakinan diri serta kemahiran komunikasi yang positif dan berkesan.

"Kursus itu bertujuan meningkatkan kualiti dan keberkesanannya perkhidmatan kaunter yang dapat memenuhi kepuasan pelanggan terutama pelajar UMS-KAL dan kakitangan," katanya.



**ALBUM...Baharin (duduk empat dari kanan) bersama kakitangan Perpustakaan UMS-KAL yang menghadiri Kursus Perkhidmatan Kaunter Berkesan.**

ketika ditemui selepas kursus itu kelmarin.

Beliau juga berharap kursus itu yang disasarkan kepada kakitangan Perpustakaan Gred S17-S26 akan mampu meningkatkan prestasi dan imej perpustakaan UMS Kampus Antarabangsa

Labuan.

Kursus itu mengandungi konsep dan teknik penting perkhidmatan kaunter, ketramplinan diri dan perhubungan awam, asas komunikasi dan perhubungan awam serta latihan amali.